

27/05/1999

Kemudahan laluan ke sekolah ditingkat

Johnny Giles Senin

KUALA LUMPUR, Rabu - Kementerian Kerja Raya akan meningkatkan kemudahan di laluan ke Sekolah Menengah Perempuan (SMP) Methodist, Jalan Cenderasari di sini bagi menjamin keselamatan pelajar.

Menterinya, Datuk Seri S Samy Vellu berkata, kemudahan itu termasuk memasang lampu jalan atau membina jejantas baru.

"Tindakan itu bagi menjamin keselamatan pelajar yang berulang-alik dari beberapa tempat di sekitar pusat bandar ke sekolah berkenaan untuk mengelak kejadian yang menimpa seorang pelajar, Audrey Melissa, berulang.

"Kita juga mungkin memasang Kamera Keselamatan Litar Tertutup (CCTV) di beberapa tempat di sekitar sekolah yang akan diawasi pihak tertentu sepanjang waktu sekolah," katanya.

Menurutnya, Jabatan Kerja Raya (JKR) akan menubuhkan jawatankuasa yang turut dianggotai wakil Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) untuk mengkaji dan mengenal pasti laluan yang selalu digunakan pelajar.

"Jawatankuasa itu akan menentukan tindakan lanjut yang perlu diambil untuk mengatasi sebarang masalah, di samping menentukan kos perlaksanaannya," katanya selepas mengadakan perbincangan dengan PIBG sekolah itu, hari ini.

Perbincangan itu diadakan berikutan kejadian yang menimpa Audrey, 17. Pelajar itu dijumpai mati dalam belukar di bawah pencawang elektrik Tenaga Nasional di Jalan Kinabalu.

Turut hadir dalam perbincangan itu ialah pengetua SMP Methodist, Pasupathy Raj dan Pengerusi PIBG, Ang Kim Leong serta Pengarah Bahagian Bangunan kementerian.

Menurut Samy Vellu, Kabinet memandang serius kejadian itu dan dalam mesyuaratnya hari ini Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencadangkan beberapa langkah keselamatan termasuk memasang CCTV dan lampu jalan di kawasan terbabit.

Katanya, beliau juga akan membawa beberapa perkara berkaitan kepada pengetahuan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), antaranya memasang lebih banyak lampu jalan di kawasan yang memerlukan.

"Sekolah ini juga memerlukan pagar baru yang lebih sesuai untuk mengelak dicerobohi dan pintu pagarnya akan ditutup sebaik saja kelas bermula.

"Pintu pagar kecemasan pula hanya boleh dibuka dengan pengetahuan dan kebenaran pengetua pada keadaan dan masa tertentu," katanya.

Samy Vellu juga meminta pihak sekolah mengadakan taklimat untuk pelajarnya, terutama berkaitan soal keselamatan.

Selain itu, beliau meminta Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengarahkan polis mengadakan rondaan sebelum waktu kelas bermula antara jam 6.15 hingga jam 7.45 pagi dan berakhir jam 6.45 hingga jam 7.30 malam.

Sementara itu, Pasupathy berkata, antara laluan utama pelajar sekolah itu adalah dari hentian bas Klang melintasi Jalan Kinabalu dan dari Kampung Merbuk, arah Parlimen melalui Tasik Perdana.

(END)